

Terengganu yakin ulangi kejayaan juara di Pahang

➤ *Mahu sahkan status negeri terbaik dalam arena sukan*

Laporan oleh Azidan Nahar, Sukhairi Thani dan Mohd Fitrié Muhamad

bhsukan@bh.com.my

► Padang Besar

Kontinjen Terengganu sekali lagi mensasarkan untuk muncul juara keseluruhan SUKMA kali ini seterusnya mengesahkan status sebagai negeri terbaik dalam arena sukan di negara ini.

Juara pada tahun 2008, 2010, 2011 dan 2012 di Pahang

itu yakin sasaran berkenaan dapat dipenuhi selepas usaha dan persiapan rapi dibuat sejak lebih sebulan lalu.

Kuasa besar sukan tanah air

Chef de Mission, Mohd Mahdi Musa berkata, kerajaan negeri Terengganu komited menjadikan Terengganu sebagai kuasa besar sukan tanah air dan ia dibuktikan apabila setiap jabatan juga bekerjasama sebagai bapa angkat kepada persatuan serta atlet.

"Setiap persatuan kita ada

bapa angkat yang akan membantu menguruskan apa saja berkaitan latihan dan keperluan mereka. Ia berkesan untuk aspek pembangunan.

"Bagi SUKMA ini saja kita juga sudah menghantar atlet ke banyak tempat sama ada di dalam mahupun di luar negara bagi memastikan mampu menjadi yang terbaik," katanya ketika ditemui.

Mohd Mahdi yang juga Timbalan EXCO Belia dan Sukan Terengganu berkata, untuk persiapan SUKMA beberapa pahlantar ke Bandung, Indonesia; taekwondo di Jakarta; silat di Vietnam manakala sepak takraw di Chiangmai, Thailand.

Selain itu, katanya, pasukan

kanu pula sudah lebih 40 hari menjalani latihan Tasik Timah Taseh yang menjadi medan saingan sebenar acara terbabit pada SUKMA ini.

Sasar 53 emas

"Secara keseluruhan kita mensasarkan 53 emas dan bonus 10 emas pada kali ini. Pada 2012 kita meraih 62 emas dan kita mahu muncul juara sekali lagi.

"Kita akan cuba untuk menewaskan lawan yang sama terutama Selangor yang menjadi pencabar utama kita sejak dulu," katanya.

Mohd Mahdi berkata, antara harapan utama ialah acara kanu (lapan emas), bersikal dan olahraga.